

SUKAN WAHANA PERPADUAN KAUM

Oleh Samat Buang

SUKAN merupakan saluran yang paling berkesan bagi menyatukan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Aktiviti sukan sudah dilihat sebagai dalam kalangan rakyat negara ini sejak kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Dalam acara sukan, atlet yang terdiri daripada pelbagai kaum bekerjasama untuk mencapai satu matlamat, iaitu memberikan kejayaan kepada pasukan, negeri atau negara diwakili. Bagi mencapai matlamat itu, soal perbezaan keturunan tidak langsung diambil kira kerana masing-masing mahu memastikan pasukan yang diwakili mencapai kejayaan. Tidak kira dalam apa-apa jua sukan, kerjasama dan hubungan akrab akan lahir apabila pemain daripada semua kaum dan etnik bertungkus-lumus dan bekerjasama menahut cabaran sebagai satu pasukan. Walau bagaimanapun bukan setakat dalam kalangan atlet, peminat setia manamana sukan turut memberikan sokongan padu tanpa mengira bangsa. Dengan kata lain, sukan mampu menjadi wahana dan wadah yang dapat mengintegrasikan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Keberkesanan sukan sebagai medium menyatupadukan rakyat sudah terbukti sejak zaman penjajahan British. Sebagai buktinya, Tanah Melayu diisytiharkan sebagai juara badminton dunia pada tahun 1949, 1952 dan 1955. Hal ini disebabkan pada masa itu, tiada masalah perpecahan kaum. Malaysia diyakini antara negara yang terbukti berjaya menggunakan sukan sebagai platform perpaduan dan kesejahteraan masyarakat. Tidak menghairankan apabila pertandingan akhir bola sepak, seperti Liga Perdana di Stadium Nasional, Bukit Jalil, disaksikan oleh puluhan ribu peminat sukan bola sepak di seluruh negara. Oleh sebab itu, sukan juga digunakan oleh kerajaan sebagai mekanisme untuk memupuk semangat kekitaan dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum. Tanpa perpaduan yang kukuh, sudah tentu negara tidak mampu untuk merealisasikan segala impian dan matlamat yang digariskan untuk rakyat.

Sehubungan dengan itu, kerajaan sentiasa menjadikan budaya bersukan sebagai "penjana" bagi mempertahankan keharmonian, kemuafakatan, dan perpaduan dalam kalangan masyarakat negara ini. Integrasi dan perpaduan negara merupakan elemen yang sangat penting bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang stabil dari segi sosial, politik, dan ekonomi tanpa mengira fahaman politik. Jadi, masyarakat hari ini perlu mencari

Pada peringkat sekolah, dasar setiap murid perlu mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam satu sukan, dalam dilaksanakan dengan gihnya, lambat-laun dapat membentuk rakyat yang saling menghormati dan mempunyai semangat kerjasama yang tinggi dalam satu pasukan. Kebanyakan daripada kita bersetuju bahawa sukan dapat memainkan peranan untuk menyatupadukan rakyat negara ini. Bersetuju sahaja tanpa melakukan apa-apa yang wajar atau mengetepikan apa-apa yang telah terpahat sebagai dasar tidak membawa apa-apa makna.

Pada peringkat kebangsaan atau negara pula, bermula tahun 2015, setiap Sabtu kedua bulan Oktober telah dijadikan sebagai Hari Sukan Negara (HSN) dengan matlamat untuk mewujudkan budaya sukan dalam kalangan rakyat di negara ini. Malaysia merupakan negara ketiga yang mengadakan HSN selepas Qatar dan India. Belakangan ini, kita dapat melihat rakyat Malaysia melibatkan diri dengan aktiviti beriadah dan menjadikan bersukan sebagai sebahagian daripada gaya hidup masa ini.

Namun demikian, rakyat Malaysia secara amnya masih belum mengamalkan budaya sukan secara menyeluruh. Menurut kajian Kementerian Belia dan Sukan, hanya 40 peratus daripada jumlah penduduk di negara ini yang mengamalkan gaya hidup sihat dan membudayakan sukan dalam kehidupan mereka. Peratusan itu masih rendah jika dibandingkan dengan 50 hingga 60 peratus penglibatan rakyat di negara maju dalam aktiviti itu.

HSN merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan untuk menerapkan amalan gaya hidup cergas dan aktif dalam kalangan masyarakat selain menjadikan Malaysia sebagai sebuah "Negara Bersukan". HSN merupakan pencetus kesedaran orang ramai terhadap pentingnya agenda sukan

kita dicemari peristiwa 13 Mei 1969 yang menggugat kestabilan negara dan hubungan antara kaum.

Tempat yang paling sesuai untuk memupuk bibit persahabatan antara kaum sudah tentulah di sekolah dan satu daripada instrumen yang boleh digunakan secara berkesan ialah sukan. Pada peringkat sekolah, dasar setiap murid perlu mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam satu sukan, kalau dilaksanakan dengan gihnya, lambat-laun dapat membentuk rakyat yang saling menghormati dan mempunyai semangat kerjasama yang tinggi dalam satu pasukan. Kebanyakan daripada kita bersetuju bahawa sukan dapat memainkan peranan untuk menyatupadukan rakyat negara ini. Bersetuju sahaja tanpa melakukan apa-apa yang wajar atau mengetepikan apa-apa yang telah terpahat sebagai dasar tidak membawa apa-apa makna.

Pada peringkat kebangsaan atau negara pula, bermula tahun 2015, setiap Sabtu kedua bulan Oktober telah dijadikan sebagai Hari Sukan Negara (HSN) dengan matlamat untuk mewujudkan budaya sukan dalam kalangan rakyat di negara ini. Malaysia merupakan negara ketiga yang mengadakan HSN selepas Qatar dan India. Belakangan ini, kita dapat melihat rakyat Malaysia melibatkan diri dengan aktiviti beriadah dan menjadikan bersukan sebagai sebahagian daripada gaya hidup masa ini.

Namun demikian, rakyat Malaysia secara amnya masih belum mengamalkan budaya sukan secara menyeluruh. Menurut kajian Kementerian Belia dan Sukan, hanya 40 peratus daripada jumlah penduduk di negara ini yang mengamalkan gaya hidup sihat dan membudayakan sukan dalam kehidupan mereka. Peratusan itu masih rendah jika dibandingkan dengan 50 hingga 60 peratus penglibatan rakyat di negara maju dalam aktiviti itu.

HSN merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan untuk menerapkan amalan gaya hidup cergas dan aktif dalam kalangan masyarakat selain menjadikan Malaysia sebagai sebuah "Negara Bersukan". HSN merupakan pencetus kesedaran orang ramai terhadap pentingnya agenda sukan

negara dibangunkan secara menyeluruh. HSN ialah permulaan untuk Kementerian membudayakan amalan bersukan dan gaya hidup sihat, cergas, dan aktif dalam kalangan masyarakat. HSN bukan sahaja membawa objektif membudayakan sukan, tetapi dapat memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat selain meningkatkan pembangunan ekonomi industri sukan.

Selain itu, Dasar Sukan Negara yang menjadi asas memurnikan dan memakmurkan dunia sukan terbentuk sewaktu Datuk Seri Najib Tun Razak memimpin Kementerian Belia dan Sukan. Beliau juga menjadi penggerak kajian semula fungsi Majlis Sukan Negara untuk melahirkan atlet bermutu dan berkualiti. Beberapa insentif dan skim diperkenalkan untuk jurulatih, atlet dan staf, termasuk menyediakan biasiswa sukan dalam dan luar negara. Hal ini tidak ketinggalan program peringkat sekolah, seperti Kem Bakat dan Tunas Cemerlang, untuk mengenal pasti kebolehan bersukan dari peringkat awal.

Di samping itu, kejayaan dalam pelbagai aktiviti sukan pada peringkat antarabangsa, secara tidak langsung, turut memberikan imej penyatuan seluruh negara Malaysia kepada negara di mata dunia. Kejayaan wira atlet negara membawa pulang lima pingat Sukan Olimpik serta empat pingat Sukan Paralimpik di Rio de Janeiro, Brazil, tahun lepas dapat menghidupkan suasana aktif dalam bidang sukan, sekali gus dijadikan wadah kebersamaan dalam kalangan masyarakat serta mencetuskan semangat patriotisme. Rakyat Malaysia patut bergembira meraihan penutupan Sukan Olimpik Rio yang merupakan Sukan Olimpik yang terbaik bagi Malaysia sejak bertanding kali pertama dalam pada tahun 1956 sebagai Malaya dan sebagai Malaysia pada tahun 1964. Sebelum ini, negara kita hanya mampu menang tidak lebih daripada dua pingat dalam mana-mana Sukan Olimpik. Walaupun pasukan Malaysia tidak membawa pulang sebarang pingat emas, setiap ahli pasukan Olimpik kita harus disanjung atas kerja keras, kecekalan, dan semangat juang mereka. Sambutan penuh meriah kepulauan wira dan wirawati Sukan Olimpik dan Paralimpik telah memberikan

impak positif kerana sukan dapat juga menjadi medium perpaduan. Dalam tempoh lebih kurang dua minggu tempoh ini berlangsung, kita dapat melihat perkembangan yang paling menggembirakan di negara ini, iaitu rakyat Malaysia kelihatan lebih bersatu padu kerana mereka sama-sama memberikan sokongan dan sorakan kepada pasukan Olimpik negara yang bersaing dengan atlet lain terhebat dunia.

Sesungguhnya Sukan Olimpik dan Paralimpik Rio telah menyatupadukan rakyat jelata untuk sama-sama menyokong pemain negara. Semangat persaudaraan dan keakraban antara rakyat berbilang bangsa di negara ini jelas kelihatan apabila mereka setia menonton dan bersorak untuk Datuk Lee Chong Wei dalam perlawanan separuh akhir dan akhir badminton perseorangan lelaki dan juga pemain badminton yang lain, seperti Chan Peng Soon, Goh Liu Ying, Goh V. Shem dan Tan Wee Kiong. Semangat perpaduan ini sebenarnya lebih bernilai daripada pingat yang diperolehi. Kebanyakan daripada rakyat Malaysia menagis kegembiraan apabila Chong Wei menewaskan musuh ketatnya di gelanggang, Lin Dan dari China, dan apabila penerjun negara Pandalela Rinong dan Cheong Jun Hoong meraih pingat perak, dan pelumba basikal Azizulhasni Awang memenangi gangsa. Setiap kali pemain badminton Malaysia mendapat mata tambahan atau memenangi perlawanan, jelas kedegangan gema jeritan dan tepukan tangan serentak daripada rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, sama ada di rumah, tempat kerja, asrama, kampus, kedai mamak atau restoran, ruang awam seperti di Seri Pentas di Selangor, Dataran Putrajaya, ataupun ruang yang terbuka di Gurney Paragon Mall di Pulau Pinang.

Sorakan itu bukan sahaja kepada pemain, malahan kemenangan kepada seluruh rakyat yang cinta akan perpaduan. Sukan mampu menjadikan rakyat Malaysia "buta warna" kerana semua atlet negara dilihat sebagai rakyat Malaysia dan bukan dilihat dari sudut bangsa atau agama mereka. Hal ini menunjukkan bahawa sukan mampu memupuk perpaduan dalam kalangan

rakyat Malaysia apabila kita ketetapan perbezaan kita dan sama-sama menyokong ahli pasukan Olimpik kita. Dengan kata lain, sukan merupakan elemen yang berkesan bagi menyatukan rakyat berbilang kaum, bangsa, dan agama di negara ini.

Bukti kelangsungan sukan sebagai alat penyatuan dapat disaksikan menerusi sokongan padu yang sentiasa diberikan oleh segenap lapisan masyarakat ketika atlet negara berjuang mengharumkan nama negara dalam kejohanan peringkat kebangsaan atau di luar negara. Rakyat pelbagai bangsa, agama, dan peringkat umur menyatakan sokongan masing-masing kepada semua atlet melalui laman sosial dan juga hadir sendiri menyumbang kepulauan mereka. Oleh itu, atas dasar kepentingan itu, maka kerajaan komited untuk memastikan kemajuan sukan di negara ini sentiasa diberi keutamaan. Sebagai contoh, bentuk penghargaan, seperti pelantikan pemenang pingat emas pertama Sukan Paralimpik, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi sebagai "Ikon Sukan Felda", diharapkan dapat memberikan rangsangan kepada generasi muda Felda untuk bergiat aktif dalam bidang sukan. Mereka menjadi pendorong dan pencetus semangat kepada rakyat Malaysia untuk bersukan dan berjaya dalam bidang sukan. Kejayaan mereka juga menjadi pemangkin kepada atlet lain untuk mencipta kejayaan yang sama pada peringkat antarabangsa.

Sekali lagi baru-baru ini, nama Malaysia tercatat dalam rekod sukan peringkat antarabangsa apabila penyerang Pulau Pinang, Mohd. Faiz Subri, menjadi pemain bola sepak pertama dari benua Asia memenangi Anugerah Puskas 2016 selepas diumumkan oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) dalam majlis anugerah yang berlangsung di Zurich, Switzerland. Kejayaan yang dilakarkan oleh Mohd. Faiz itu benar-benar menggembirakan rakyat negara ini. Jaringan ajaibnya, yang disifatkan "melanggar hukum fizik", telah meletakkan Mohd. Faiz berada dalam kelompok pemain hebat dunia. Tiada apa-apa yang dapat dikatakan melainkan setinggi-tinggi ucapan

tahniah kepada Mohd. Faiz kerana berjaya mengetepikan dua lagi calon akhir, iaitu pemain Brazil yang beraksi untuk kelab Corinthians, Marlon, dan wakil tunggal wanita dari Venezuela, Daniuska Rodriguez. Dalam majlis anugerah FIFA itu, Mohd. Faiz berkongsi pentas dengan pemain handalan dunia, seperti Cristiano Ronaldo. Rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, turut mengundi jaringannya atas nama negara bagi melayakkan dirinya ke peringkat akhir. Kejayaannya bukan sahaja mencipta sejarah untuk Malaysia, tetapi rantau Asia kerana selama ini anugerah itu dikuasai pemain dari Eropah dan Amerika Selatan.

Apabila bercakap tentang perpaduan, kerajaan kini dalam proses membangunkan Indeks Perpaduan bagi mengukur tahap perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Kini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sedang memperincikan kriteria yang akan diambil kira bagi pengukuran

Indeks Perpaduan. Hal ini termasuk keterangkuman, pemahaman silang budaya, dan pekerjaan antara kaum bagi menentukan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Kajian rintis akan dilaksanakan sebelum Indeks Perpaduan diaplikasikan bagi mengetahui tahap perpaduan rakyat di negara ini.

Sementara itu, tahap perpaduan dan patriotisme di negara ini masih cukup baik. Perkara ini amat jelas dilihat apabila rakyat pelbagai kaum dan agama menyokong dan menyatakan sokongan padu terhadap atlet negara yang beraksi di Sukan Olimpik Rio de Janeiro tahun lepas. Sehubungan dengan itu, usaha berterusan perlu bagi mengekalkan dan meningkatkan semangat patriotisme, jati diri, dan semangat cinta negara dalam kalangan rakyat, khususnya generasi muda. Kejayaan negara dalam apa-apa juga bidang bergantung pada perpaduan rakyatnya. Apabila ada perpaduan,

segala pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Secara tuntas, pembudayaan sukan dalam kehidupan harian, secara tidak langsung, dapat menyatupadukan masyarakat dalam majmuk di negara kita selain membentuk gaya hidup sihat. Jelaslah bahawa sukan menjadi wahana perpaduan di negara pelbagai budaya, seperti Malaysia, kerana menggabungkan orang ramai untuk melupakan perbezaan atau prasangka sesama sendiri dan bersama-sama memberikan sokongan kepada pasukan kebangsaan dan atlet negara. Memang sewajarnya kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, dan rakyat bekerjasama bagi mencapai tujuan tersebut. Oleh itu, sukan sebagai alat perpaduan harus diketengahkan dengan lebih tersusun pada pelbagai peringkat, yakni kampung, daerah, negeri, dan nasional serta antarabangsa supaya Malaysia akan menjadi gah sebagaimana Jepun dan Korea Selatan yang satu ketika dahulu di belakang Malaysia. DS

